

29 JUL 2004  
LID-RANGKUMAN  
GLOBAL 2004 LID DIBUKA DALAM SUASANA MESRA PERNIAGAAN

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Global 2004 Dialog Antarabangsa Langkawi bermula hari ini dalam suasana mesra perniagaan dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memainkan peranan sebagai "Jurujual Nombor Satu" negara mempromosikan barangan dan perkhidmatan tempatan di pameran LID yang mengagumkan para pemimpin.

Pameran itu adalah acara baru LID yang bertujuan merangsang kerjasama di kalangan sektor korporat negara-negara yang menyertainya bagi mewujudkan perangkaan yang lebih besar yang boleh mewujudkan usaha sama perniagaan di masa depan.

Terdahulu, Perdana Menteri bersama dengan para pemimpin berjalan-jalan selepas pelancaran Galeri Seni dan Budaya diiringi alunan muzik Lesotho tradisional daripada pemain akordian.

Tetapi dalam ucapan di majlis makan malam meraikan para delegasi, Abdullah membuat pendirian yang tegas menggesa negara-negara kaya dan kerajaan Barat menunjukkan tanggungjawab untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat mundur termasuk masyarakat Islam.

Dalam ucapannya beliau berkata kemiskinan dan kekurangan hidup serta ketidakadilan boleh membawa kepada keganasan dan adalah penting untuk melaksanakan usaha mewujudkan dunia yang lebih selamat dan saksama.

Abdullah memberi amaran yang "dunia tidak mampu dipisahkan oleh jurang ekonomi akibat garis pemisah dari segi agama dan budaya" dan mencadangkan negara-negara kaya harus membantu tanpa mengenakan apa-apa syarat sementara negara-negara penerima harus berusaha mewujudkan pemerintahan yang baik secara telus.

Komitmen Abdullah terhadap pergerakan Perkongsian Pintar mendapat pengiktirafan apabila Raja Mswati III dari Swaziland membuat pengumuman mengejut bahawa pemimpin Malaysia itu bersetuju menjadi Fellow

Perkongsian  
Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM). Peranan Fellow CPTM  
fellow,  
antara lain menyediakan arah aliran strategik kepada badan berkenaan  
dan  
falsafah perkongsian pintarnya.

Abdullah akan mengetuai sesi dialog pada Jumaat mengenai  
kemiskinan,  
pembangunan dan keselamatan, bersama-sama dengan moderator bersama  
Dr Sam  
Nujoma, presiden Namibia.

Hari pertama LID 2004 merupakan peluang terbaik bagi para  
peserta  
melahirkan penghargaan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad kerana menjadi  
penggerak utama LID sejak 1995 dan yang seterusnya berkembang ke  
Selatan  
dan Timur Afrika.

Dr Mahathir berkata semasa LID pertama kali diadakan pada 1995,  
beliau  
menjangkakan itulah kali pertama dan terkahir dialog itu  
berlangsung.

Bagaimanapun, peserta-peserta dialog mendapati perkongsian  
pintar  
berguna kerana ia membolehkan mereka memahami antara satu sama lain  
dan  
berikutan itu dialog tersebut telah diadakan setahun atau dua tahun  
sekali,  
katanya.

Dr Mahathir berkata beliau gembira penggantinya Datuk Seri  
Abdullah  
Ahmad Badawi, komited kepada LID dan berterima kasih kepadanya di  
atas  
perkara itu.

Abdullah berkata setelah lebih 10 tahun kewujudannya beliau  
menjangka  
peserta dialog menawarkan cadangan mengenai apa yang perlu dilakukan  
untuk  
tempoh 10 tahun akan datang bagi membantu negara membangun,

Bekas Botswana Sir Ketumile Masire memuji kepimpinan Malaysia  
dalam  
membantu negara-negara membangun. Malaysia.

LID akan memasuki hari kedua pada Jumaat dengan 700 peserta dari  
33  
negara berbincang mengenai isu-isu daripada keselamatan dan amanah,  
pembangunan kemiskinan dan hubungan manusia.

Topik lain termasuklah merapatkan jurang antara keutamaan  
perniagaan  
dan cabaran kemiskinan, ancaman penyakit baru dan sedia ada, ekonomi  
kecil,  
koperasi dan inovasi serta nasihat sains dan kepimpinan serta  
latihan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak yang turut

menyertai LID akan membentangkan pengalaman Malaysia dalam kejayaan merekayasa FELDA dan bagaimana skim tanah rancangan membantu mengatasi kemiskinan.

LID 2004 selama tiga hari berakhir Sabtu ini dengan kenyataan Langkawi dijangka dikeluarkan bagi membawa pergerakan perkongsian pintar ke arah dasar "memakmurkan jiran anda".

-- BERNAMA

MR SHY NHD ZK